



**PENYATA KEWANGAN  
NEGERI PERLIS  
2011**



KERAJAAN NEGERI PERLIS

**PENYATA KEWANGAN  
2011**

# KANDUNGAN

i. PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI DAN BENDAHARI NEGERI

ii. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

## **PENYATA KEWANGAN**

1. Laporan Bendahari Negeri

15. Penyata Kedudukan Kewangan

16. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai

20. Penyata Prestasi Kewangan

21. Penyata Akaun Memorandum

22. Nota Kepada Penyata Kewangan

## **LAMPIRAN KEPADA NOTA**

33. Lampiran 1 – Penyata Perbelanjaan Mengurus

44. Lampiran 2 – Penyata Perbelanjaan Pembangunan

58. Lampiran 3 – Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut



## PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI DAN BENDAHARI NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan.


- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan International Public Sector Accounting Standard – Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting.
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2011.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2011.

ROMLI BIN DAI  
Pegawai Kewangan Negeri Perlis  
30 Januari 2012

ROHANI BINTI CHE MIE  
Bendahari Negeri Perlis  
30 Januari 2012



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI PERLIS  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpanduan piawaian pengauditan yang diluluskan.


Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis pada 31 Disember 2011; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

Ketua Audit Negara

Malaysia.

Putrajaya  
10 Mei 2012





KERAJAAN  
NEGERI PERLIS

**LAPORAN  
BENDAHARI NEGERI**

## KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

### Prestasi Belanjawan

Belanjawan tahun 2011 telah memperuntukkan sebanyak RM 174.08 juta bagi Perbelanjaan Mengurus dan RM 88.02 juta bagi Perbelanjaan Pembangunan, manakala kutipan hasil dianggarkan berjumlah RM 89.06 juta. Dewan Undangan Negeri juga telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM 7.77 juta untuk perbelanjaan mengurus menjadikan peruntukan keseluruhan Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2011 berjumlah RM 181.85 juta. Sejumlah RM 17.35 juta daripada peruntukan pembangunan telah ditarik balik oleh Perbendaharaan menjadikan peruntukan Pembangunan 2011 berjumlah RM 70.67 juta.

Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM 144.07 juta iaitu 79.22% daripada peruntukan berjumlah RM 181.85 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM 12.47 juta adalah Perbelanjaan Tanggungan dan bakinya sebanyak RM 131.60 juta adalah Perbelanjaan Bekalan. Perbelanjaan Pembangunan pula berjumlah RM 63.52 juta


Kutipan hasil bagi tahun 2011 berjumlah RM 97.81 juta, iaitu 9.82% lebih tinggi dari Anggaran Belanjawan 2011 sebanyak RM 89.06 juta.

Jadual 1 mengandungi ringkasan prestasi belanjawan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun 2011, manakala Carta 1 menunjukkan prestasi hasil dan perbelanjaan Mengurus bagi tempoh 5 tahun.

**JADUAL 1**  
**PRESTASI BELANJAWAN**  
**KERAJAAN NEGERI PERLIS 2011**

	2011			2010		
	Bajet RM Juta	Sebenar RM juta	Bajet %	Bajet RM Juta	Sebenar RM Juta	Bajet %
<b>Akaun Semasa</b>						
Hasil	89.06	97.81	9.82	67.09	116.49	73.63
Belanja Mengurus	181.85	144.07	(20.78)	152.15	109.21	(28.22)
<b>Lebihan / (Defisit)</b>	<b>(92.79)</b>	<b>(46.26)</b>		<b>(85.06)</b>	<b>7.28</b>	
<b>Akaun Pembangunan</b>						
Terimaan	70.67	69.22	(2.05)	55.71	31.03	(44.30)
Perbelanjaan	70.67	63.52	(10.12)	55.71	46.47	(16.58)
<b>Lebihan / (Defisit)</b>	<b>0.00</b>	<b>5.70</b>		<b>0.00</b>	<b>(15.44)</b>	

CARTA 1



### Prestasi Kewangan

Operasi kewangan bagi tahun 2011 berakhir dengan defisit(kurangan) dalam Akaun Semasa sebanyak RM 46.26 juta, di mana jumlah hasil yang dipungut adalah sebanyak RM 97.81 juta berbanding perbelanjaan mengurus sebanyak RM 144.07 juta. Dengan kurangan sebanyak RM 46.26 juta, jumlah defisit terkumpul dalam Akaun Hasil Disatukan telah bertambah sebanyak 36.40% iaitu daripada RM 127.08 juta dalam tahun 2010 kepada RM 173.34 juta dalam tahun 2011.

Akaun Pembangunan menunjukkan lebih sebanyak RM 5.70 juta dimana jumlah terimaan adalah sebanyak RM 69.22 juta berbanding perbelanjaan sebanyak RM 63.52 juta. Jika diambilkira baki dalam akaun ini, secara keseluruhannya kedudukan kewangan Negeri Perlis bagi tahun 2011 berakhir dengan kurangan sebanyak RM 40.56 juta. Pengurangan sebanyak 79.88% daripada baki keseluruhan tahun 2010.

Ringkasan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun 2011 dan 2010 ditunjukkan dalam Jadual 2.

**JADUAL 2**  
**RINGKASAN KEWANGAN SEBENAR**  
**KERAJAAN NEGERI PERLIS**

<b>BUTIR-BUTIR</b>	<b>TAHUN 2011 (RM JUTA)</b>	<b>TAHUN 2010 (RM JUTA)</b>
<b>AKAUN SEMASA</b>		
Hasil	97,808,032.52	116,489,421.98
Perbelanjaan Mengurus	144,067,734.51	109,210,954.16
Lebihan / (Defisit) Akaun Semasa	(46,259,701.99)	7,278,467.82
<b>AKAUN PEMBANGUNAN</b>		
Terimaan	69,216,750.58	31,034,664.33
Perbelanjaan Pembangunan	63,518,193.39	46,475,465.83
Lebihan / (Defisit) Akaun Pembangunan	5,698,557.19	(15,440,801.50)
<b>Lebihan / Defisit Keseluruhan</b>	<b>(40,561,144.80)</b>	<b>(8,162,333.68)</b>

#### **PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ke tiga-tiga akaun kumpulan wang yang disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan.

#### **Wang Tunai**

Wang tunai Kerajaan Negeri telah meningkat sebanyak RM 20.38 juta (63.63%) kepada RM 52.41 juta pada 31 Disember 2011 berbanding RM 32.03 juta pada 31 Disember 2010. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM 52.25 juta (99.69%) adalah terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, RM 151,417.93 adalah Wang Tunai Dalam Perjalanan dan bakinya sebanyak RM 10,250.00 adalah Wang Tunai Dalam Tangan.


Mulai tahun kewangan 2011, Wang Tunai Dalam Bank adalah termasuk Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang berjumlah RM 28.00 juta selaras dengan Para 1.2.3 *Cash Basis* IPSAS. Laporan terperinci mengenai wang tunai boleh dirujuk kepada **Nota 3, Nota Kepada Penyata Kewangan.**

## Pelaburan

Tiada pelaburan dilaporkan kerana mulai tahun kewangan 2011, Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang berjumlah RM 28.00 juta telah diklasifikasikan sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan Para 1.2.3 *Cash Basis* IPSAS. Rujuk **Nota 4, Nota Kepada Penyata Kewangan**.

Carta 2 menunjukkan kedudukan baki Kumpulanwang Disatukan bagi tempoh 5 tahun.

**CARTA 2**



## AKAUN HASIL DISATUKAN

### Hasil

Kutipan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2011 berjumlah RM 97.81 juta iaitu 9.83% lebih tinggi berbanding anggaran disemak berjumlah RM 89.06 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan berlaku kenaikan dalam kutipan Cukai Tanah, Perolehan Daripada Jualan barang-barang serta Terimaan Daripada Agensi Kerajaan masing-masing sebanyak RM 1.63 juta, RM 3.14 juta dan RM 9.91 juta. Walau bagaimanapun, jumlah kutipan ini adalah 16.04% lebih rendah daripada kutipan tahun 2010 sebanyak RM 116.49 juta. Terimaan Bukan Hasil merupakan komponen kutipan terbesar iaitu sebanyak 48.15% (RM 47.10 juta) daripada jumlah keseluruhan kutipan hasil, diikuti Hasil Bukan Cukai sebanyak 38.40% (RM 37.55 juta) dan Hasil Cukai sebanyak 13.45% (RM 13.16 juta).

### Hasil Cukai

Pungutan Hasil Cukai bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM 13.16 juta iaitu berlaku peningkatan sebanyak RM 1.68 juta berbanding kutipan 2010 sebanyak RM 11.48 juta. Sumber kutipan terbesar ialah cukai tanah iaitu sebanyak 80.39% (RM 10.58 juta), diikuti kutipan cukai keluaran hutan sebanyak 14.21% (RM 1.87 juta) dan cukai parit dan taliair sebanyak 5.40% (RM 0.71 juta).

### Hasil Bukan Cukai


Kutipan Hasil Bukan Cukai dalam tahun 2011 menurun sebanyak RM 6.54 juta berbanding kutipan tahun 2010 berjumlah RM 44.09 juta. Penurunan ini berpunca daripada pengurangan dalam perolehan dari jualan barang-barang sebanyak RM 3.85 juta, kutipan Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit sebanyak RM 1.28 juta dan kutipan Sewaan sebanyak RM 1.83 juta. Kutipan di bawah komponen Perkhidmatan Dan Bayaran Perkhidmatan serta Denda Dan Hukuman juga masing-masing telah berkurangan sebanyak 1.57% dan 32.43%. Walau bagaimanapun, perolehan daripada Pelaburan telah meningkat sebanyak 48.78% iaitu daripada RM 0.63 juta kepada RM 1.23 juta.

### Terimaan Bukan Hasil


Terimaan Bukan Hasil bagi tahun 2011 berjumlah RM 47.10 juta, berkurangan sebanyak 22.68% berbanding kutipan 2010 sebanyak RM 60.92 juta. Penurunan ini berlaku kerana terdapat pengurangan sebanyak 22.52% di bawah komponen Terimaan Dari Agensi Kerajaan iaitu daripada RM 60.29 juta dalam tahun 2010 kepada RM 46.71 juta dalam tahun 2011. Ini adalah kerana dalam tahun 2011, Kerajaan Negeri hanya menerima pemberian Kurangan Hasil sebanyak RM 4.74 juta berbanding RM 15.71 juta dalam tahun 2010 serta penurunan dalam pemberian Caj Perkhidmatan Projek-projek Persekutuan sebanyak RM 9.28 juta berbanding RM 29.31 juta dalam tahun 2010.

Laporan terperinci mengenai hasil boleh dirujuk kepada **Nota 5, Nota Kepada Penyata Kewangan**. Carta 3 menunjukkan Jumlah kutipan hasil Kerajaan Negeri mengikut komponen bagi tahun 2011 manakala Carta 4 menunjukkan prestasi kutipan bagi ketiga-tiga komponen dalam tempoh 5 tahun.

CARTA 3



## CARTA 4



### Perbelanjaan Mengurus

Jumlah anggaran perbelanjaan Kerajaan Negeri dipinda bagi tahun 2011 berjumlah RM 181.85 juta, meningkat sebanyak 4.46% berbanding anggaran asal berjumlah RM 174.08 juta.

Anggaran dipinda bagi emolumen meningkat sebanyak 3.00% kepada RM 35.84 juta, Perkhidmatan Dan Bekalan meningkat sebanyak 6.14% kepada RM 42.54 juta dan anggaran untuk Pemberian dan Kenaan Tetap meningkat sebanyak 4.11% kepada RM 100.90 juta.

Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri dalam tahun 2011 berjumlah RM 115.05 juta (tidak termasuk pindahan sejumlah RM 29.02 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan). Sebahagian besar perbelanjaan adalah untuk menampung perbelanjaan di bawah pemberian dan kenaan tetap (iaitu caruman kepada Kumpulan Wang Bekalan Air, pemberian bantuan am kebajikan, bayaran balik pinjaman dan bayaran pencen), bayaran emolumen (iaitu bayaran gaji dan elaun kakitanagn Kerajaan Negeri) serta perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan termasuk penyelenggaraan dan bayaran utiliti.

Perbelanjaan Tanggungan berjumlah RM 12.47 juta iaitu 10.84% daripada jumlah perbelanjaan mengurus 2011. Sebahagian besar perbelanjaan tanggungan adalah terdiri daripada bayaran balik pinjaman berjumlah RM 6.39 juta (51.24%) dan bayaran pencen ADUN/EXCO berjumlah RM 2.76 juta (22.13%).

Perbelanjaan Bekalan berjumlah RM 102.58 juta (tidak termasuk pindahan sejumlah RM 29.02 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan) merupakan 89.16% daripada perbelanjaan mengurus 2011. Jika dibandingkan dengan jumlah Perbelanjaan Mengurus yang dilakukan dalam tahun 2010, didapati berlaku peningkatan sebanyak 5.35% atau RM 5.84 juta.

Ringkasan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri mengikut komponen perbelanjaan ditunjukkan dalam Jadual 3.

**JADUAL 3**  
**PERBELANJAAN MENGURUS KERAJAAN NEGERI PERLIS**

Komponen Perbelanjaan	2011	2010	Kenaikan / (Penurunan)	Peratus
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%
Emolumen	34.90	33.21	1.69	5.09
Perkhidmatan Dan Bekalan	40.43	36.87	3.56	9.66
Aset	2.08	2.20	(0.12)	(5.45)
Pemberian Dan Kenaan Tetap (Tidak termasuk pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan)	37.24	36.60	0.64	1.75
Lain-Lain Perbelanjaan	0.40	0.33	0.07	21.21
<b>JUMLAH</b>	<b>115.05</b>	<b>109.21</b>	<b>5.84</b>	<b>5.35</b>

Perbelanjaan Emolumen sebanyak RM 34.90 juta merupakan 30.33% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2011. Iaitu berlaku peningkatan sebanyak 5.09% berbanding perbelanjaan tahun 2010 berjumlah RM 33.21 juta disebabkan bayaran bonus sebulan gaji, pergerakan gaji tahunan serta peningkatan dalam tuntutan elaun lebih masa.


Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan berjumlah RM 40.43 juta merupakan komponen perbelanjaan mengurus tertinggi dalam tahun 2011 iaitu sebanyak 35.14%. Perbelanjaan ini juga menunjukkan peningkatan sebanyak 9.66% berbanding perbelanjaan dalam tahun 2010 sebanyak RM 36.87 juta disebabkan peningkatan dalam kerja-kerja pemasangan dan penyelenggaraan elektrik serta sewaan khemah untuk majlis-majlis rasmi Kerajaan Negeri.

Perbelanjaan perolehan Aset bagi tahun 2011 berjumlah RM 2.08 juta iaitu 5.45% lebih rendah berbanding perbelanjaan tahun 2010 berjumlah RM 2.20 juta.


Perbelanjaan di bawah Pemberian dan Kenaan Tetap yang merangkumi perbelanjaan untuk bayaran balik hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan, bayaran pencen dan ganjaran serta pemberian dan bantuan lain berjumlah RM 37.24 juta iaitu merupakan 32.37% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus 2011. Perbelanjaan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 1.75% berbanding perbelanjaan 2010 berjumlah RM 36.60 juta disebabkan tambahan Pemberian Bantuan Am Negeri kepada penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Carta 5 menunjukkan komponen –komponen Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2011 manakala corak aliran Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun ditunjukkan dalam Carta 6. Laporan terperinci perbelanjaan mengurus boleh dirujuk kepada **Lampiran 1 Penyata Perbelanjaan Mengurus**.

CARTA 5



CARTA 6



### AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Perkar 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(b) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak – 1972) bagi mengakaunkan semua terimaan pinjaman, bayaran balik dan pindahan pinjaman yang diterima ke Kumpulanwang Pembangunan dan Kumpulanwang Bekalan Air. Sumber pinjaman Kerajaan Negeri adalah daripada Kerajaan Persekutuan. Dalam tahun 2011, Kerajaan Negeri telah menerima pinjaman berjumlah RM 4.79 juta untuk Projek Bekalan Air. Sehingga 31 Disember 2011 akaun ini tidak berbaki kerana semua pinjaman yang diterima telah disalurkan ke dalam Kumpulan Wang Bekalan Air.

## AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulanwang Amanah Kerajaan, Kumpulanwang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Sehingga 31 Disember 2011 akaun ini berbaki RM 225.75 juta berbanding RM 158.11 juta pada 31 Disember 2010.

Laporan terperinci mengenai Akaun Amanah Disatukan boleh dirujuk kepada **Nota 7, Nota Kepada Penyata Kewangan.**

### Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957[Akta 61]. Ia dikategorikan seperti berikut:-

- Kumpulan Wang Pembangunan
- Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air
- Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Dalam tahun 2011 akaun ini berbaki kredit sebanyak RM 81.98 juta iaitu berlaku peningkatan sebanyak RM 53.39 juta berbanding RM 28.59 juta pada tahun 2010.


### Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulanwang Pembangunan telah diwujudkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406] bagi membiayai perbelanjaan berkaitan projek-projek pembangunan. Terimaan kumpulan wang ini meningkat sebanyak 123.07% kepada RM 69.22 juta pada 31 Disember 2011 berbanding RM 31.03 juta pada 31 Disember 2010. Peningkatan ketara disebabkan dalam tahun 2011 Kerajaan Negeri telah menerima pemberian Pertambahan Hasil daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM 11.82 juta serta pindahan dari Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM 29.02 juta. Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(a)(i), Nota Kepada Penyata Kewangan.**


Perbelanjaan pembangunan dalam tahun 2011 berjumlah RM 63.52 juta, iaitu 89.88% daripada peruntukan disemak berjumlah RM 70.67 juta. Daripada jumlah tersebut, Perbelanjaan secara langsung sebanyak RM 59.52 juta, manakala perbelanjaan melalui pinjaman sebanyak RM 4.00 juta. Dengan jumlah terimaan sebanyak RM 69.22 juta berbanding perbelanjaan RM 63.52 juta, kumpulanwang ini mencatatkan lebih sebanyak RM 5.70 juta menjadikan baki terkumpul Kumpulanwang Pembangunan mencatatkan lebih sebanyak RM 82,500.48.

Laporan terperinci mengenai perbelanjaan pembangunan boleh dirujuk kepada Lampiran 2 – Penyata Perbelanjaan Pembangunan. Carta 7 menunjukkan jumlah terimaan berbanding perbelanjaan Kumpulanwang Pembangunan bagi tempoh 5 tahun manakala Carta 8 menunjukkan prestasi terimaan pembangunan mengikut komponen bagi tempoh 5 tahun.

CARTA 7



CARTA 8



## **Kumpulanwang Bekalan Air**

Kumpulanwang Bekalan Air ditubuhkan mengikut kehendak Enakmen Kumpulan Wang Bekalan Air di bawah Jabatan Kerja Raya. Sumber kewangan kumpulanwang ini terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil Disatukan dan pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan.

Belanjawan tahun 2011 telah memperuntukkan sebanyak RM 42.38 juta untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan bekalan air. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM 26.00 juta daripada sumber pinjaman dan baki sebanyak RM 16.38 juta daripada caruman Akaun Hasil Disatukan. Walau bagaimanapun, peruntukan berjumlah RM 26.00 juta telah ditarik balik oleh Perbendaharaan Negeri disebabkan permohonan pinjaman tidak diluluskan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia (KETHA) Kerajaan Negeri juga telah meluluskan tambahan caruman sebanyak RM 2.80 juta menjadikan jumlah peruntukan sebanyak RM 19.18 juta.

Dalam tahun 2011 sejumlah RM 17.73 juta telah dibelanjakan untuk perbelanjaan mengurus manakala sebanyak RM 0.91 juta untuk pembangunan bekalan air. Secara keseluruhannya didapati perbelanjaan di bawah kumpulanwang ini telah berkurangan sebanyak 48.22% daripada perbelanjaan tahun sebelumnya. Sebahagian besar peruntukan mengurus digunakan bagi membiayai bil elektrik untuk empat (4) buah logi air.

Operasi Kumpulanwang Bekalan Air 2011 berakhir dengan lebih sebanyak RM 5.33 juta, apabila jumlah terimaan yang dicatatkan adalah sebanyak RM 23.97 juta berbanding jumlah perbelanjaan sebanyak RM 18.64 juta menjadikan baki defisit terkumpul Kumpulanwang Bekalan Air telah berkurangan daripada RM 32.51 juta dalam tahun 2010 kepada RM 27.18 juta pada akhir tahun 2011.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(a)(ii), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

## **Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan**

Terdapat 5 kategori akaun dikelaskan di bawah Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan iaitu Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulanwang. Baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2011 berjumlah RM 109.07 juta berbanding RM 66.72 juta pada akhir tahun 2010 iaitu berlaku peningkatan sebanyak 38.83% disebabkan oleh Kerajaan Negeri menerima pendahuluan daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM 50.00 juta bagi menampung kekurangan tunai.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(a)(iii), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

## **Kumpulan Wang Amanah Awam**

Kumpulan wang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] untuk mengakaunkan wang yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri serta wang amanah yang diterima bagi maksud-maksud tertentu. Pada tahun 2011 Kerajaan Negeri mempunyai 30 akaun amanah awam yang dikawal oleh 8 jabatan iaitu Perbendaharaan Negeri (2), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (16), Jabatan Tanah Dan Galian (5), Jabatan Pertanian (1), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (1), Jabatan Kebajikan Masyarakat (1) Jabatan Kehakiman Syariah (2) dan Jabatan Kerja Raya (2).

Baki terkumpul Kumpulan Wang Amanah Awam bagi tahun 2011 berjumlah RM 102.99 juta berbanding sebanyak RM 94.19 juta dalam tahun 2010. Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(b), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

## **Akaun Deposit**

Deposit terdiri daripada wang yang diterima oleh Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu mengikut undang-undang atau perjanjian dan perlu dikembalikan apabila maksud kutipan telah tercapai. Bagi tahun 2011, jumlah deposit yang dipegang oleh kerajaan telah meningkat sebanyak 15.45% kepada RM 40.79 juta berbanding RM 35.33 juta pada tahun 2010.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(c), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

## **PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI**

### **Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai**

Pada tahun 2011, Kerajaan Negeri telah menunjukkan lebih wang tunai sebanyak RM 20.38 juta berikutan jumlah terimaan sebanyak RM 204.74 juta melebihi jumlah perbelanjaan sebanyak RM 184.36 juta. Lebihan ini menjadikan baki terkumpul wang tunai pada 31 Disember 2011 adalah sebanyak RM 52.41 juta. Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai Kerajaan Negeri ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jumlah terimaan sebanyak RM 204.74 juta adalah terdiri daripada hasil berjumlah RM 97.81 juta (47.77%), pinjaman dalam negeri berjumlah RM 4.79 juta (2.34%), terimaan modal berjumlah RM 40.20 juta (19.64%) dan terimaan lain berjumlah RM 61.94 juta (30.25%).

Daripada jumlah hasil yang diterima dalam tahun 2011, sebanyak RM 13.16 juta (13.45%) merupakan hasil cukai, RM 37.55 juta (38.40%) merupakan hasil bukan cukai dan RM 47.10 juta (48.15%) merupakan hasil bukan cukai.

Terimaan modal sebanyak RM 40.20 juta diperolehi daripada pemberian pertambahan hasil berjumlah RM 11.82 juta, pemberian TAHAP berjumlah RM 18.92 juta, jualan rumah kos rendah berjumlah RM 7.43 juta dan ansuran perumahan awam berjumlah RM 2.03 juta.

Jumlah bayaran Kerajaan Negeri bagi tahun 2011 adalah RM 184.36 juta. Komponen terbesar daripada jumlah bayaran ini adalah untuk perbelanjaan mengurus sebanyak RM 108.70 juta (58.96%), manakala perbelanjaan pembangunan berjumlah RM 63.52 juta (34.45%).

Bayaran balik pinjaman berjumlah RM 12.14 juta adalah termasuk bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan berjumlah RM 6.35 juta dan pindahan pinjaman projek bekalan air kepada Kumpulan Wang Bekalan Air berjumlah RM 5.79 juta.

#### JADUAL 4

<b>Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2011</b>	
<b>TERIMAAN</b>	<b>RM Juta</b>
Hasil	97,808,032.52
Pinjaman	4,789,427.00
Terimaan Modal	40,201,570.58
Terimaan Lain	61,942,529.96
<b>Jumlah Terimaan</b>	<b>204,741,560.06</b>
<b>BAYARAN</b>	
Perbelanjaan Mengurus (tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan)	(108,698,139.54)
Perbelanjaan Pembangunan	(63,518,193.39)
Perbelanjaan Modal	-
Bayaran Balik Pinjaman	(12,143,841.97)
Bayaran Lain	-
<b>Jumlah Pembayaran</b>	<b>(184,360,174.90)</b>
<b>Tambahan/(Kurangan) Wang Tunai</b>	<b>20,381,385.16</b>
Wang Tunai pada 1 Januari	32,033,043.19
Tambahan/(Kurangan) Wang Tunai	20,381,385.16
<b>Wang Tunai pada 31 Disember</b>	<b>52,414,428.35</b>

#### PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan sebahagian aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Aset terdiri daripada pinjaman boleh dituntut dan akaun belum terima, manakala liabiliti pula terdiri daripada hutang Kerajaan Negeri.

## ASET

### Pinjaman Boleh Tuntut

Baki Pinjaman Boleh Tuntut merupakan baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Badan Berkanun Negeri. Sehingga 31 Disember 2011, jumlah pinjaman yang boleh dituntut adalah sebanyak RM 86.16 juta iaitu berlaku pengurangan sebanyak 1.44% berbanding RM 87.42 juta pada tahun 2010. Pengurangan ini disebabkan Kerajaan Negeri menerima bayaran balik pinjaman daripada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis berjumlah RM 2.26 juta. Butiran terperinci ditunjukkan dalam **Nota 8(a), Nota Kepada Penyata Kewangan dan Lampiran 3 – Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Tuntut.**

### Akaun Belum Terima


Akaun Belum Terima menunjukkan jumlah tunggakan hasil Kerajaan Negeri pada akhir tahun kewangan. Pada akhir tahun 2011 tunggakan hasil adalah sebanyak RM 24.05 juta berbanding RM 26.26 juta pada tahun 2010. Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 8 (b), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

## LIABILITI

### Hutang Awam

Pada akhir tahun 2011, baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan telah berkurangan sebanyak 17.73% iaitu daripada RM 416.29 juta pada tahun 2010 kepada RM 342.49 juta. Penurunan ini disebabkan pengambilalihan hutang projek bekalan air oleh Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB) berjumlah RM 75.12 juta serta bayaran balik (pokok) berjumlah RM 3.47 juta kepada Kerajaan Persekutuan.

**CARTA 9**



**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**  
pada 31 Disember 2011

		<u>2011</u>	<u>2010</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
<b>WANG AWAM</b>			
WANG TUNAI	3	52,414,428.35	32,033,043.19
PELABURAN	4	0.00	0.00
		<hr/>	<hr/>
		<b>52,414,428.35</b>	<b>32,033,043.19</b>
<b>DIPEGANG BAGI:</b>			
<b>KUMPULAN WANG DISATUKAN</b>			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	(173,338,436.79)	(127,078,734.80)
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	1,000,000.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	225,752,865.14	158,111,777.99
		<hr/>	<hr/>
		<b>52,414,428.35</b>	<b>32,033,043.19</b>
		<hr/>	<hr/>

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*



KERAJAAN  
NEGERI PERLIS

**PENYATA KEDUDUKAN  
KEWANGAN**

# Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai

bagi tahun berakhir 31 Disember 2011

PERLIS

	2011		2010	
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
<b>TERIMAAN</b>				
<b>HASIL</b>				
Hasil Cukai	13,164,311.32		11,477,830.58	
Hasil Bukan Cukai	37,547,813.82		44,087,817.28	
Terimaan Bukan Hasil	47,095,907.38		60,923,774.12	
		97,808,032.52		116,489,421.98
<b>PINJAMAN</b>				
Pinjaman Dalam Negeri	4,789,427.00		11,106,948.00	
		4,789,427.00		11,106,948.00
<b>TERIMAAN MODAL</b>				
Pelbagai Terimaan Modal	40,201,570.58		31,034,664.33	
Jualan Instrumen Kewangan	0.00		10,000,000.00	
		40,201,570.58		41,034,664.33
<b>TERIMAAN LAIN</b>				
Terimaan Amanah	61,942,529.96		5,270,392.77	
		61,942,529.96		5,270,392.77
<b>JUMLAH TERIMAAN</b>		204,741,560.06		173,901,427.08
<b>BAYARAN</b>				
<b>PERBELANJAAN MENGURUS</b>				
Emolumen	(34,900,496.46)		(33,212,085.95)	
Perkhidmatan Dan Bekalan	(40,437,059.88)		(36,871,380.52)	
Aset	(2,080,562.60)		(2,195,252.35)	
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	(30,882,013.56)		(34,300,867.46)	
Perbelanjaan Lain	(398,007.04)		(328,790.65)	
		(108,698,139.54)		(106,908,376.93)
<b>PERBELANJAAN PEMBANGUNAN</b>				
Langsung	(59,518,193.39)		(46,475,465.83)	
Pinjaman	(4,000,000.00)		0.00	
		(63,518,193.39)		(46,475,465.83)
<b>PERBELANJAAN MODAL</b>				
Pelbagai Perbelanjaan Modal	0.00		0.00	
Pembelian Instrumen Kewangan	0.00		0.00	
		0.00		0.00
<b>BAYARAN BALIK PINJAMAN</b>				
Pinjaman Dalam Negeri	(6,354,414.97)		(2,302,577.23)	
Pinjaman Kepada Agensi	(5,789,427.00)		(10,106,948.00)	
		(12,143,841.97)		(12,409,525.23)
<b>BAYARAN LAIN</b>				
Bayaran Amanah	0.00		0.00	
		0.00		0.00
<b>JUMLAH BAYARAN</b>		(184,360,174.90)		(165,793,367.99)
Tambahan / (Kurangan) Wangtunai		20,381,385.16		8,108,059.09
Wangtunai Pada, 31 Disember 2010		32,033,043.19		23,924,984.10
Wangtunai Pada, 31 Disember 2011		52,414,428.35		32,033,043.19

KERAJAAN NEGERI PERLIS

Pengiraan Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2011

1 Pengiraan Wang Tunai

Wangtunai Pada 31 Disember 2011	A	52,414,428.35
Wangtunai Pada 31 Disember 2010	A	32,033,043.19
Lebihan / (Kurangan) Wangtunai		<u>20,381,385.16</u>

2. Pengiraan Jualan/Pembelian Instrumen Kewangan

Pelaburan Pada 31 Disember 2010	B	0.00
Pelaburan Pada 31 Disember 2011	B	0.00
(Pembelian) / Jualan Pelaburan		<u>0.00</u>

3. Pengiraan Hasil / Perbelanjaan Hasil

Hasil Cukai	C	13,164,311.32
Hasil Bukan Cukai	C	37,547,813.82
Terimaan Bukan Hasil	C	47,095,907.38
		<u>97,808,032.52</u>

4. Perbelanjaan Mengurus

Emolumen	C	(34,900,496.46)
Perkhidmatan Dan Bekalan	C	(40,437,059.88)
Aset	C	(2,080,562.60)
Perbelanjaan Lain	C	(398,007.04)
Pemberian/Kenaan Tetap	C	(66,251,608.53)
Tolak - Pindahan ke AK Hasil	E1a	29,015,180.00
- Pindahan ke AK Hasil	E1d	0.00
- Bayaran Balik Pinjaman		6,354,414.97
		<u>(30,882,013.56)</u>
		<u>(108,698,139.54)</u>

5. Perbelanjaan Pembangunan

Langsung KWP	E1a	(59,518,193.39)
Langsung Hutan	E1d	0.00
		<u>(59,518,193.39)</u>
Pinjaman KWP	E1a	(4,000,000.00)
Pinjaman Hutan	E1d	0.00
		<u>(4,000,000.00)</u>
		<u>(63,518,193.39)</u>



KERAJAAN  
NEGERI PERLIS

**PENYATA PENERIMAAN DAN  
PEMBAYARAN WANG TUNAI**

**6. Pengiraan Terimaan Modal (Kumpulan Wang Pembangunan E1a/E1d)**

Pengiraan Pelbagai Terimaan Modal	Kt	Dt
Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian li	11,818,406.00	0.00
Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup	18,917,143.00	0.00
Ansuran Perumahan Awam	2,036,150.06	0.00
Jualan Perumahan Kos Rendah	7,429,871.52	0.00
<b>Jumlah</b>	<b>40,201,570.58</b>	<b>0.00</b>

**7. Pengiraan Pinjaman Dalam Negeri**

		Terimaan Kt
<b>A. Jumlah Pinjaman</b>		
Pinjaman Pinjaman Pihak Berkuasa Tempatan	D	0.00
Pinjaman Pinjaman Badan Berkanun	D	0.00
Pinjaman Pinjaman Bekalan Air	D	4,789,427.00
Pinjaman Pinjaman Perumahan Awam Kos Rendah	D	0.00
Pinjaman Pinjaman Pelbagai	D	0.00
		<b>4,789,427.00</b>
<b>B. Bayaran Balik Pinjaman</b>		<b>6,354,414.97</b>
<b>C. Pinjaman Kepada Agensi</b>		<b>5,789,427.00</b>

8. Pengiraan Amanah		Baki Awal 31 Disember 2010	Dt	Kt	Baki Akhir 31 Disember 2011
Perbelanjaan Pembangunan KWP :					
Kumpulan Pembangunan	E1a	(5,616,056.71)			82,500.48
Langsung	E1a		59,518,193.39		
Pinjaman	E1a		4,000,000.00		
Pindahan Dari Akaun Pinjaman	E1a			0.00	
Pindahan Dari Akaun Hasil	E1a			29,015,180.00	
Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian li	E1a		0.00	11,818,406.00	
Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup	E1a		0.00	18,917,143.00	
Ansuran Perumahan Awam	E1a		0.00	2,036,150.06	
Jualan Perumahan Kos Rendah	E1a		0.00	7,429,871.52	
		(5,616,056.71)	63,518,193.39	69,216,750.58	82,500.48
Perbelanjaan Pembangunan KWH :					
Kumpulan Hutan	E1d	0.00	0.00		0.00
			0.00		
Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan			0.00	0.00	
Pelbagai Terimaan Modal : Ses Kayu Balak	E1d		0.00	0.00	
		0.00	0.00	0.00	0.00
		(5,616,056.71)	63,518,193.39	69,216,750.58	82,500.48
Kumpulan Pinjaman Perumahan/Air	E1b	(32,510,682.75)	18,638,293.72	23,970,718.00	(27,178,258.47)
Pelbagai Kumpulan Amanah	E1c	66,715,631.45	186,014,382.04	228,372,174.35	109,073,423.76
Kumpulan Amanah Awam	E2	94,189,997.51	36,235,915.61	45,035,173.30	102,989,255.20
Deposit	E3	35,332,888.49	9,726,328.12	15,179,383.80	40,785,944.17
Jumlah		158,111,777.99	314,133,112.88	381,774,200.03	225,752,865.14
Tolak					
Perbelanjaan Pembangunan KWP :					
Langsung	E1a		(59,518,193.39)		
Pinjaman	E1a		(4,000,000.00)		
Pindahan Dari Akaun Pinjaman	E1a			0.00	
Pindahan Dari Akaun Hasil	E1a			(29,015,180.00)	
Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian li	E1a		0.00	(11,818,406.00)	
Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup	E1a		0.00	(18,917,143.00)	
Ansuran Perumahan Awam	E1a		0.00	(2,036,150.06)	
Jualan Perumahan Kos Rendah	E1a		0.00	(7,429,871.52)	
Perbelanjaan Pembangunan KWH :					
Langsung	E1d		0.00		
Pinjaman	E1d		0.00		
Pindahan Dari Akaun Hasil	E1d		0.00	0.00	
Pelbagai Terimaan Modal : Ses Kayu Balak	E1d		0.00	0.00	
			(63,518,193.39)	(69,216,750.58)	
		250,614,919.49	312,557,449.45	61,942,529.96	



KERAJAAN  
NEGERI PERLIS

**PENYATA PRESTASI  
KEWANGAN**

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN**  
 bagi tahun berakhir 31 Disember 2011

	<u>Nota</u>	<u>2011</u>		<u>2010</u>
		<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>	<u>Sebenar</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<b>HASIL</b>				
<u>Tolak:</u>	5	89,064,742.00	97,808,032.52	116,489,421.98
Belanja Mengurus	5	181,849,117.00	* 115,052,554.51	109,210,954.16
<b>LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL</b>		<b>(92,784,375.00)</b>	<b>(17,244,521.99)</b>	<b>7,278,467.84</b>
<u>Tolak:</u>				
Belanja Pembangunan	7	70,665,180.00	63,518,193.39	46,475,465.83
<b>LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN</b>		<b>(163,449,555.00)</b>	<b>(80,762,715.38)</b>	<b>(39,196,998.01)</b>
<b>KURANGAN DIBIYAI OLEH:</b>				
Pinjaman Dalam Negeri	6		(1,000,000.00)	1,000,000.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		40,201,570.58	31,034,664.33
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	7		41,561,144.80	7,162,333.68
<b>JUMLAH PEMBIAYAAN</b>			<b>80,762,715.38</b>	<b>39,196,998.01</b>

Nota : (\*) - Jumlah perbelanjaan mengurus termasuk bayaran balik pinjaman berjumlah RM 6,354,414.97  
 - Jumlah perbelanjaan mengurus tidak termasuk pindahan hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



KERAJAAN  
NEGERI PERLIS

**PENYATA AKAUN  
MEMORANDUM**

**PENYATA AKAUN MEMORANDUM**  
pada 31 Disember 2011

	<u>Nota</u>	<u>2011</u> RM	<u>2010</u> RM
<b>MEMORANDUM ASET</b>	8		
Pinjaman Boleh Dituntut		86,163,296.19	87,423,688.14
Pelaburan		0.00	0.00
Akaun Belum Terima		24,048,123.53	26,261,450.27
<b>MEMORANDUM LIABILITI</b>	9		
Hutang Kerajaan Negeri		342,495,142.10	416,292,051.87

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*



KERAJAAN  
NEGERI PERLIS

**NOTA KEPADA  
PENYATA KEWANGAN**

## **DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN**

### **1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN**

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
  - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
  - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
  - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamal asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urus niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuaian seperti berikut:
  - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
  - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
  - iii) Mengakaun urus niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urus niaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

### **2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

Persembahan Penyata Kewangan dan nota yang disertakan bagi tahun 2011 telah dibuat penambahbaikan bagi memudahkan pemahaman dan penganalisan.

Penyata Prestasi Kewangan adalah penyata baharu yang menunjukkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri secara keseluruhan.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :-

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

### 3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan. Mulai tahun kewangan 2011, Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang berjumlah RM 28,000,000.00 telah diklasifikasi sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan Para 1.2.3. *Cash Basis* IPSAS. Oleh itu bagi tahun 2010, Wang Tunai Dalam Bank berjumlah RM 7,986,964.26 telah dinyatakan semula kepada RM 31,986,964.26 menjadikan jumlah Wang Tunai tahun 2010 adalah RM 32,033,043.19

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<b>2011</b>	<b>2010</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Wang Tunai Dalam Bank	52,252,760.42	31,986,964.26
Wang Tunai Dalam Perjalanan	151,417.93	36,928.93
Wang Tunai Dalam Tangan	10,250.00	9,150.00
<b>JUMLAH WANG TUNAI</b>	<b>52,414,428.35</b>	<b>32,033,043.19</b>

### 4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Am yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan dan dinyatakan pada nilai buku..

Mulai tahun kewangan 2011, pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang yang berjumlah RM 28,000,000.00 telah diklasifikasikan sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan Para 1.2.3. *Cash Basis* IPSAS. Oleh itu bagi tahun 2010, Deposit Dalam Negeri berjumlah RM 24,000,000.00 telah dinyatakan semula kepada RM 0.00 menjadikan jumlah pelaburan tahun 2010 adalah RM 0.00.

Pelaburan pada 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<b>2011</b>		<b>2010</b>	
	<i>Nilai Buku</i>		<i>Nilai Buku</i>	
	<b>Pelaburan Kumpulan Wang Amanah</b>	<b>Pelaburan Am</b>	<b>Pelaburan Kumpulan Wang Amanah</b>	<b>Pelaburan Am</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Deposit Dalam Negeri	0.00	0.00	0.00	0.00
Pelbagai	0.00	0.00	0.00	0.00
<i>Jumlah</i>	0.00	0.00	0.00	0.00
<b>JUMLAH PELABURAN</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>

## 5. AKAUN HASIL DISATUKAN

